

SEJARAH ADAT PERPATIH DI NEGERI SEM-
BILAN DAN AMALAN NYA HINGGA SEKARANG.

Bismillahi rahmani rahim: alhamdulillah rabbil
alamin, wassalatu wassalam 'ala ashrafil anbia i walmursalin wa
'ala alihi wasahbihi ajmain.

Dimulai cerita ini mengikut ceritanya, Tanah
Semenanjung dan Sumatera (Sum^udra), adalah mulanya satu: maka
dari itu Tanah Sumatera dan Tanah Semenanjung, jadilah satu per-
jalanan dalam pemburuah atau lebih tepat boleh membuka negeri
atau menoruka dimana-mana yang difikirkan bersesuaian kerana tiada
sempadan nya antara Tanah Semenanjung dan Sumatera di zaman silam.

Tuhan telah membuat penentuan seperti peraan nya,
"Aku jadikan manusia itu berbangsa-bangsa, bernegeri-negeri, ber-
puak-puak tujuan untuk berkenalan." Maka dengan demikian itu
terjadilah didunia ini berbagai-bagai bangsa dan negeri termasuklah
bangsa Melayu dengan negerinya dikepulauan Melayu .

Diatas pegangan inilah, diperchayai orang-orang Melayu
dari Minangkabau menghayun kaki katempat-tempat yang masih belum
ditoruka dan berpenghuni ohara berkelompok dan menetap.

Kelompok-kelompok itu ada yang membuka negeri di-
Johor Melaka dan Naning: mana-kala sabahagian yang pula di- Pahang
Kelangor dan N. Sembilan. Sabahagian kumpulan yang membuka negeri
di Hulu ~~Minangkabau~~ ^{lain} pula datang pula kakawasan disuatu tempat
yang belum bernama (Terachi sekarang): sampai disuatu kawasan tanah
rata dan sabahagian yang berhampiran nya, ada anak ayor dan sasuai
dijadikan sawah padi. Ditengah rata itulah orang Minangkabau itu
menebas menebang dengan tujuan hendak mendirikan rumah dan berkampung.

Pokok-pokok besar kecil selesai dibersihkan semuanya: melainkan
sabatang sapohon meranti yang amat besar. Memandangkan kesusahn
untuk menebang meranti besar itu, kumpulan pemeruka minta jasa baik
orang asli untuk menebang nya kerana mereka ada cukup peralatan
dengan perjanjian tumbang sehari: tetapi keesokkan harinya pokok
itu masih tegak juga: sepelebang minta tambah lagi sehari: akhir-
nya sampai empat hari. Tiap-tiap kali perjanjian dibahatui per-
kataan tak achi (TAK ACHI) disebutkan: bererti tidak menepati

janji dan akhirnya selama seminggu barulah kayu itu dapat di-
tumbang.

Maka dari peristiwa menebang pokok besar itu dan
perkataan TAK ACHI dikeluarkan berkali-kali lah maka tempat yang
baru diteruka itu pun dinamakan TAK ACHI dan sekarang dinama-
kan TIERACHI.

Tempat yang mula-mula dinamakan Terachi itu ialah
dimana terdirinya sekolah Terachi yang ada sekarang dan disekitar

nya yang berdekatan dengan sekolah Terachi sekarang dan penduduknya yang mendiami kawasan itu sekarang ini adalah dari suku Sri Lemak semuanya atau keturunan dari Minangkabau: bersempadan di timur nya kg: Ayer Hitam, dibaratnya kg: Masjid di-utaranya kg: Mampas dan diselatannya kg: Parit.

(KELKATI: menurut suatu kenyataan lain; nama TERACHI daripada perkataan atau sebab kelkati tidak ada bukti melainkan jika diambil dalam masa perang Bukit Putus yang dipadankan dalam bahasa Urdu tentera British KAICHI bererti kelkati. Ini tidak menasabah kerana Terachi sudah pun dikenali sebagai Luak Terachi samasa beraja ka Johor lagi. Jika kelkati jatuh kedalam sungai pula, tiada sungai yang ditemohi waktu permulaan meneruka dulu. Jika perkataan budak-budak bermain guli, lagi jauh dari kebenaran nya kerana negeri baru hendak diteruka, siapa yang ada tinggal disitu: tambahan pula permainan guli itu bukanlah permainan asli orang Melayu. Saya memperchayai nama Terachi terbit dari Perkataan TAK ACHI dalam peristiwa menembang pokok besar).

MELANTIK KETUA-KETUA:

Kedatangan orang-orang dari Minangkabau yang mula-mula sekali ialah rombongan yang dibawah pimpinan Dato' Perpatih sendiri kedudukannya sebagai seorang raja: ramainya tidaklah diketahui hanya difahamkan samai sebuah bahtera penuh dipanggil juga lanjang kuning: perjalanan keluar dari Siak berpatah kakiri (Dato' Temenggung berpatah kakam): samapai ditamoh Semanjung yang belum bernama. Tempat-tempat yang dilalui oleh rombongan Dato' Perpatih ini penduduknya orang asli sahaja dari keturunan BIDUANDA: Ketuanya sebagai raja bergelar BATIN, Penghukunya bergelar JENANG dan pembaganya bergelar MAJA KERAN.

Tempat-tempat yang dilalui dan diteruka oleh pengiring-pengiring Dato' Perpatih dengan meninggalkan samai yang berpatah ditempat-tempat yang dilalui. Tempat-tempat itu sekarang dikenali selepas dari Siak, Muar, Bt: Kopong, Johol, Pasir Besar, Ulu Muar, Pelangai, Bt: Tempurung, Sri Menanti, Pilah, Angga Bisa, Kelang, Sg: Ujung, Jelebu, Rembau dll: menetap di Sg: Ujung selaku pusat pemerintahan iaitu di Bukit Putus (sempadan K. Pilah dengan Seremban sekarang).

JUMPA PADI TIGA TANGKAI

DI SRI MENANTI. (TIGA PERINGKAT).

Dalam perjalanan Dato' Perpatih dengan rombongan nya menuju ka kg: Tongah, berhenti diatas sebuah bukit kerana anjing nya beranak; sementara itu dia pergi mencari ayer. Dalam merayau-rayau itu, pengiringnya terjumpa dengan sarung padi tiga pereingkat dan disebarkan kepada Dato' Perpatih.

Diatas peristiwa padi itu, Dato' Perpatih memahamkan: padi ertinya sri dan peringkat itu ialah tingkat pemerintahan iaitu: tinggi bererti raja, sedang bererti Undang dan rendah bererti Lembaga: tempat terjumpa padi tu dinamakan Sri Menanti.

PERJUMPAAN DI ANGGA BISA.

Satelah beberapa lamanya, negeri telah sempurna dibuka, orang pun telah bertambah ramai, persahabatan dengan Batin-batin serta orang aslinya pun telah menjadi erat. Dato' Perpatih selaku Raja yang memerintah dikeseluruh kawasan yang telah diterukai memanggil semua ketua-ketua orang asli dan ketua-ketua dalam masa pembukaan dulu diAngga Bisa bagi menerangkan peraturan pemerintahan dikawasan masing-masing.

Dato'-dato' yang telah dilantik dalam masa penemuan ialah:-

- | | |
|---------------------------------|--------------------|
| 1. Orang Tanah Datar bergelar | Dato' Besar. |
| 2. Orang Mungkal, bergelar | Dato' Alang Laut. |
| 3. Orang Sri Lemak, bergelar | Dato' Puteh. |
| 4. Orang Semelongsang, bergelar | Dato' Shaikh. |
| 5. Orang Sri Lemak Klang: | Dato' Amar Diraja. |
| 6. Orang Semelongsang Nening: | Dato' Nening. |
| 7. Orang Tiga Batu Bt Keping: | Dato' Laksamana. |

Susunan ketua-ketua pemerintah:-

Raja memerintah Alam

Penghulu memerintah Luak

Lembaga memerintah Suku

Besar memerintah waris

Buapak memerintah anak-buah

~~SEKELUAR KEMERINTAHAN KEMERINTAHAN KEMERINTAHAN KEMERINTAHAN~~
Anak-buah memerintah orang semenda

Orang semenda memerintah waris posoko: iaitu istirinya.

Dalam perhimpunan ini termasuk juga Bidan, Mudin, Pawang, Alim Ulama, ketua-ketua adat semuanya dan anak-buah.

Dalam kerapatan ini Dato' Perpatih selaku ketua pemerintah menghuraikan garis panduan dalam peraturan apa yang ditetapkan Adat Perpatih (Peraturan Perpatih): diant-

taranya, ialah PANTANG LARANG ADAT:-

Pantang Larang Adat yang utama ialah, "Chelaka, Berhaka, Dahaga - dahagi, Membuat rumah dalam rumah.

Pantang tempat Semenda: Pantang Orang Semenda: Waris Posoko: Perkahwinan: Pusaka Turun Pusaka Geler dll.

(Perkara-perkara ini adalah lebih baik dibahaskan dalam

kerapatan yang dihadiri ramai).

Diatas peristiwa padi itu, Dato' Perpatih memahamkan: padi ertinya sri dan peringkat itu ialah tingkat pemerintahan iaitu: tinggi bererti raja, sedang bererti Undang dan rendah bererti Lembaga: tempat terjumpa padi tu dinamakan Sri Menanti.

PERJUMPAAN DI ANGGA BISA.

Satelah beberapa lamanya, negeri telah sempurna dibuka, orang pun telah bertambah ramai, persahabatan dengan Batin-batin serta orang aslinya pun telah menjadi erat. Dato' Perpatih selaku Raja yang memerintah dikeseluruh kawasan yang telah diterukai memanggil semua ketua-ketua orang asli dan ketua-ketua dalam masa pembukaan dulu diAngga Bisa bagi menerangkan peraturan pemerintahan dikawasan masing-masing.

Dato'-dato' yang telah dilantik dalam masa penemuan ialah:-

- | | |
|---------------------------------|--------------------|
| 1. Orang Tanah Datar bergelar | Dato' Besar. |
| 2. Orang Mungkal, bergelar | Dato' Alang Laut. |
| 3. Orang Sri Lemak, bergelar | Dato' Puteh. |
| 4. Orang Semelongsang, bergelar | Dato' Shaikh. |
| 5. Orang Sri Lemak Klang: | Dato' Amar Diraja. |
| 6. Orang Semelongsang Naning: | Dato' Naning. |
| 7. Orang Tiga Batu Bt Keping: | Dato' Laksamana. |

Susunan ketua-ketua pemerintah:-

Raja memerintah Alam

Penghulu memerintah Luak

Lembaga memerintah Suku

Besar memerintah waris

Buapak memerintah anak-buah

~~Orang semenda memerintah waris pesoko: iaitu istirinya.~~
 Anak-buah memerintah orang semenda

Orang semenda memerintah waris pesoko: iaitu istirinya.

Dalam perhimpunan ini termasuk juga Bidan, Mudin, Pawang, Alim Ulama, ketua-ketua adat semuanya dan anak-buah.

Dalam kerapatan ini Dato' Perpatih selaku ketua pemerintah menghuraikan garis panduan dalam peraturan apa yang ditetapkan Adat Perpatih (Peraturan Perpatih): diantaranya, ialah PANTANG LARANG ADAT:-

Pantang Larang Adat yang utama ialah, "Chelaka, Berhaka,

Dahaga - dahagi, Membuat rumah dalam rumah.

Pantang tempat Semenda: Pantang Orang Semenda: Waris

Pesoko: Perkahwinan: Pusaka Turun Pusaka Geler dll.

(Perkara-perkara ini adalah lebih baik dibahaskan dalam

kerapatan yang dihadiri ramai).

KEDATANGAN MANGGALANG KE NS:

Sasudah 20 tahun lamanya Dato' Perpatih dan orang-orang nya diperantauan dan Dato' Perpatih selaku Ketua Pemerintahan (Raja) menetap di Sungai Ujung sabagai pusat pemerintahan maka anak saudaranya yang bernama Manggalang (Maha Galang) mengikut jejak langkah bapa saudaranya dan bertemu di Sungai Ujung.

Sabelum Manggalang sampai di Sg:Ujung beliau berkhidmat di suatu tempat dalam kawasan Terachi sekarang: tempat itu belia bernama dan belia berpenhuni dan bermalah disini hanya hutan dan ada sabatang durian hijau yang paling besar dan tinggi: durian ini bersamaan keadaan nya dengan sapohon durian yang dilihatnya di-pekarak istana Sultan Johor yang telah disinggahnya. Pada kesokan harinya dengan tidak disangka-sangka rombongan Manggalang terdengar seperti suara budak menangis: maka mereka mereka beramai-ramai pergi menemukannya: akhirnya berjumpa bunyi dalam sebuah durian dibawah pohon durian itu, diambil, dibawa katempat penginapan dan dimaalmukan kepada Manggalang. Manakala durian itu di-kupas (dibuka) dan didapati ada seorang bayi didalamnya. Bayi itu diambil dan dihantar kaistana Raja (Sultan) Johor untuk dipelihara. Nama tempat yang terjumpa budak dalam durian itu dinamakan Durian Hijau hingga sekarang ini.

MANGGALANG BERJUMPA BAPA SAUDARANYA
DAN DIKAWINKAN.

Manggalang meneruskan perjalanan untuk menemui bapa saudaranya Dato' Perpatih dan bertemu di Sungai Ujung (Bt: Putus sekarang dan dikahwinkan dengan anak Batin Sg:Ujung dan mendapat empat orang anak: iaitu anak pertama ialah laki-laki, kedua laki-laki, ketiga perempuan dan keempat laki-laki.

PERJUMPAAN DIGUNUNG REMBAU

DAN

MELANTIK KETUA-KETUA.

Diatas perkembangan yang terbaru dan penduduk juga telah bertambah ramai; komposisi dengan Batin-batin juga telah bertambah erat dan bersepadu dengan jalinan ehara pemerintahan Perpatih (Perpatihian): maka dengan itu, Dato' Perpatih (Maha Patih) sifatnya sebagai Raja yang bersomayam di Sg:Ujung, menitahkan, menjemput semua pembesar-pembesar di Naning, Klang, Bt:Kepung dan semua Batin-batin yang ada dalam kawasan pemerintahan nya, berhimpun di Gunung Rembau.

Dalam perjumpaan ini Dato' Perpatih menyatakan hasratnya hendak mengundur dari dari menjadi ^{Raja} dan juga hendak melantik atau memberi gelaran kepada pembesar-pembesar yang sedang menjalan pemerintahan dan juga gelaran dan pemerenta^h baru.
 la pada 5/.....

Apakala sampai masa dan ketikanya~~xx~~ berlakulah suatu perhimpunan besar yang terdiri dari semua ~~kxxxx~~-ketua-ketua pemerintah kawasan yang diteruka oleh pengikut pengikut Dato' Perpatih dan disertai oleh semua Batin-batin yang telah dijemput: maka terjadilah suatu perhubungan dan perpaduan yang erat di antara orang-orang Melayu dan batin-batin di Gunung Rembau.

Dalam kumpulan perpaduan inilah Dato' Perpatih menyatakan hasratnya, "Menetapkan ketua-ketua yang telah dilantik dulu, melantik ketua-ketua yang baru ditempat-tempat yang belum ada ketuanya dan sahhubungan dengan itu juga beliau hendak mengundur diri dari menjagi ketua sabagai Raja."

Perlantikan yang dimaksudkan itu pun dilakukan:-

- 1) **KELANG:** Ketua pemerintahnya dari suku "Sri Lemak Minagkabau bergelar Dato' Amar Diraja".
- 2) **Naning:** Ketua pemerintahnya dari suku Semelonggang. (Gelaran nya tidak diketahui). Dipermukaan berkuasanya Inggeris tahun 1834, ketua pemerintah Inggeris telah datang ka Naning dan memechat empat orang Dato' yang diangkapnya menderhaka kepada Inggeris. (Lantikan Dato' Naning bermula dari tarikh itu mengikut kemahuan Inggeris).
- 3) **Bt:Kepung:** Ketua pemerintahnya dari Suku Tiga Batu bergelar Dato' Laksamana.

Perkara kedua dilaksanakan pula dengan memintak Batin-batin memilih dan melantik gantinya sabagai Raja. Batin-batin telah sabulat suara memilih dan melantik Manggalan (Maha Galang) menjadi Raja menggantikan bapa saudaranya Dato' Mara Patih (Perpatih).

Salepas perlantikan Manggalan itu dengan gelaran Batin Manggalang; Dato' Perpatih melantik lagi empat ketua di empat tempat, ia-itu:- (Perlantikan ini semuanya anak Manggalang).

- 1) Anaknya yang tua di-lantik menjadi Pemerintah Disungai Ujung: bergelar Datoó Kelana Putera: bertaraf Undang.
- 2) Anaknya yang kedua, dilantik menjadi pemerintah di Jelebu bertaraf Undang dengan gelaran Dato' ~~Andika~~ Menteri Akhir Zaman.
- 3) Anaknya yang ketiga saorang perempuan, dilantik menjadi pemerintah di Johol, bertaraf Undang dengan gelaran Dato' Johan Pahlawan Lela Perkara Setiawan.
- 4) Anaknya yang ke empat, dilantik menjadi pemerintah di Rembau bertaraf Undang dengan gelaran Dato' Sedia Raja. Lantikan ini disahkan oleh Batin-batin.

Dato' Perpatih selaku pemerintah awal di Tanah Senanjung ini telah menyempurnakan tanggung jawabnya dengan mengarahkan perlantikkan gantinya dan perlantikkan ketua-ketua pemerintah sebagai ikutan dibolakang hari: beliau menyempurkan pula suatu perlantikkan yang bersifat perpaduan iaitu perlantikkan yang dinamakan "Tiang Balai, Tiang Kerajaan".

1. Di Sg:Ujung, Suku Tanah Datar, bergelar Dato' Penglima Betan.
2. Di Jelebu, Suku Langkat, bergelar Dato' Sri Maharaja.
3. Di Johor, Suku Sri Lemak Minangkabau bergelar Dato' ~~Putra~~ 'Sri Senara Mada.
4. Di Rembau, Suku Senolenggang bergelar Dato' Orang Kayu Bengau.

Satelah selesai perlantikkan tersebut, Dato' Perpatih menyampaikan beberapa amatnya sebagai panduan; Tersebut:-

1. Jika mati sa sa orang Undang, gantinya hendaklah diserahkan oleh batin-batin leboh dahulu: kemudian barulah orang ramai boleh mengembah.
2. Kokohkanlah adat istiadat ini: supaya ta' luyak dek hukum, ta' lekang dek panas: biar mati anak, jangan mati adat: jika di-anjak laju, dicabut mati: berajalah ke Johor, bertali ke Siak, bertuan ke Minangkabau. Sesudah selesai sahaja ucapan kalimat-kalimat amanat itu: maka pucuk gunung Rembau itu pun putus dan Dato' Perpatih ghaib: maka gunung Rembau ini disebut gunung Dato' hingga sekarang ini.

PERHUBUNGAN LUAK YANG 4 DENGAN YANG LAIN NYA

D N. SEMBILAN.

Satelah Dato' Perpatih ghaib selepas memborikan amanatnya, ketujuh-tujuh Undang yang telah dilantik, masing-masing menjalankan pemerintahannya mengikat anat hingga beberapa lamanya. Kemudian Raja Johor memerintahkan empat Undang di N.Sembilan membuat dan menabalkan mereka-mereka yang menjadi penolong Undang: dikawasan-kawasan yang telah ditentukan:-

Mereka yang telah ditabalkan itu dikenali Penghulu di kawasan masing-masing dan juga bertaraf Luak, iaitu:-

1. Ulu Muar, Serambi dibawah Undang Johor.
2. Jempul, serambi dibawah Undang Jelebu.
3. Terapi, serambi dibawah Undang Sg:Ujung.
4. G.Pasir, serambi dibawah Undang Rembau.
5. Luak Inas dulunya dibawah Undang Johor sekarang bersendirian.

PERHUBUNGAN BERAJA KE JOHOR:

Berhentinya beraja ke Johor atau putus perhubungan dengan Raja Johor, berpuncha dari penolakan pinangan Raja Johor koatas anak Dato' Kelana Putera Undang Luak Sg:Ujung: iaitu keputusan yang dibuat oleh ^{para} Undang-Undang yang pada masa itu:

tidak termasuk Dato' Laksemama Bt:Kepung yang berbinohang di-pondok Dato' Di Bt: Putus, Semujung (Sg:Ujung). Keputusan yang disampaikan melalui utusan tiga orang yang diketuai oleh anak Dato' Kelana sendiri. Anak Dato' Kelana dibunuh: tetapi dua orang pengiringnya terlepas~~a~~ lari dan memberi perkhabaran kepada Dato' Kelana: kemudiannya bermesyuarat lagi Undang yang enam dan mengambil keputusan menghantar Dato' Undang Jelebu ke Johor mengambil atau membuat penentuan sebab-sebab anak Dato' Kelana dibunuh.

Kesampaian Dato' Undang Jelebu di istana Raja Johor tidak mendapat kehormatan bahkan Raja memberi kata yang tidak sepatutnya, "Kalau dia lapar beri makan dan beri bantal kalau dia dia mengantuk". Kedatangan Dato' Undang Jelebu ke Johor diiringi oleh 2 orang hulubalanganya, seorang bergelar Dato' Bujang Merupok dan Dato' Bujang Merapi: Undang Jelebu memberi jawapan, dia memang lapar, minta tanakkan nasi beras 50 gantang dan sembelihkan saekor kerbau, lauknya.

Makanan yang dikehendaki oleh Undang Jelebu itu setelah siap dihidangkan semua^{ya} ditengah padang dengan beralaskan daun pisang kerana sangat banyaknya: makanan itu habis dimakan oleh ketiga-tiga Dato' itu borsekali dengan kerak-keranya.

Hal ohwal Dato' Undang Jelebu makan dengan orang-orang nya itu disembahkan pula kepada Raja dan Raja memerintahkan bunuh raja ketiga-tiganya: tetapi disangkal oleh seorang mertuanya kerana^{nya} kesalahan: Raja memerintahkan pula Undang Jelebu mengambil buah durian yang amat tinggi dari pohonnya sebagai helah men-shari kesalahan supaya ketiga-tiga Dato' itu dapat dibunuh. Tetapi hasrat Sultan Johor itu tidak terlaksana kerana permintaan Raja diterimanya dengan syarat hendak sediakan pembai (pelontar) yang sama besar dan panjangnya dengan pokok durian itu: rakyat diperintahkan mencharinya dan berjumpalah kayu yang dikehendaki itu diGunung Pulau dan dibawa kaistana dengan dipikul oleh beribu-ribu orang. Mana-kala kayu itu sampai saja dipekarangan istana, Undang Jelebu yang telah sedia menanti terus diambilnya kayu itu dengan sebelah tangan nya dan dibawanya kabawah pohon durian itu dan berkata-lah ia, "Jika ia sebenarnya Dato' Mendika Akhir Zaman: Undang Menika Raja bordsulat; berpusinglah pembai inika-atas mengambil buah durian tu." Kayu besar itu dihumbankannya keatas. Permintaan Undang Jelebu itu berlaku dengan kehendak Allah dan buah-buah durian itu serta dahan-dahan nya berguguran kabumi. Buah-buah durian yang gugur itu dipungut oleh Juak-juak dan dibawa kahadapan Raja: Undang Jelebu turut serta naik kaistana. (Durian ini sama keadaan nya dengan durian yang dijumpai oleh Manggalang di kg: Durian Hijau sekarang yang berjumpa bayi di-dalam ruangnya dan dipelihara diistana Johor).

Raja (Sultan) memandangkan Undang Jelebu turut naik baginda melompat kadalam kerana ketakutan dan dari dalam istana

baginda bertitah dan mengeluarkan perintah. "Mulai dari hari ini berhentilah dari berajakan kami kerana kami dzalim dan beta kurnikan gelaran DATO' ANDIKA MENTERI AKHIR ZAMAN SULTAN JELEBU kesalahan beta telah ditebus dengan taburan melukat, beras 50 dan kerbau saekor." Mulai dari hari itu putusalah beraja ka Johor hingga sekarang: Dato' Undang Jelebu sambil turun dari istana hendak balik, dipanahungnya tempayan ayer ditangga istana, putus dua.

Kedudukan Undang sabagai Raja;

Undang Jelebu sampai balik di Jelebu dan memanggil memhuarat dipondok Sultan di Jelebu. Sultan Jelebu memberikan cherita peristiwanya di Johor dan menolak untuk menjadi Raja dan mengarahkan mengarahkan memerintah di tempat masing-masing bersendirian. Putuslah sudah beraja ka Johor dan Undang memerintah diluaknya sabagai Raja dan juga sabagai Undang. Luak berundang: Alam diberi Raja.

Pengertian Raja:

Raja adalah satu keturunan yang memerintah di sa sebuah negeri dengan dua gelaran yang berlainan atau bersatu:

- (1) Bergelar atau bertaraf Sultan.
- (2) Bergelar Yang Di Pertuan (taraf Yang Di Pertuan).
- (3) Ada juga yang bergelar Sultan dan Yang Di Pertuan.

Gelaran atau taraf yang berlainan ini memberi makna yang berlainan dan chara pemerintahan yang berbeza.

SULTAN: maknanya ialah seorang Raja yang memerintah di sebuah negeri mendapat kedudukan nya dengan tersendiri pengganti Sultan yang telah meninggal dunia (mangkat) dari suriat yang sama dengan tiada pilihan atau pemilih.

Pemerintahan nya mengikut kehendak hati dan melantik orang-orang besarnya mengikut kemahuan nya sendiri: orang-orang besar yang dilantik bulat-bulatan tujuan menjalankan pentadbiran sabagai meguat kuasa undang-undang atau peraturan: tetapi melaksanakan perintah Sultan mengikut kemahuan Sultan. Negeri yang pemerintah tertingginya bertaraf Sultan tidak melibatkan fikiran rakyat atau polaksana kodilan: bermena pemerintah nya seorang sahaja dan rakyat jelata dipaksa tunduk dibawah kekuasaannya, sama-ada adil atau dzalim. Pemerintahan chara bersultan ini, dimasa dulu dikenali sabagai sultan dan sekarang ini dikenali sabagai diktatorism yang mana seluruh negeri dan kekayaan nya kepunyaan seorang saja (Sultan).

YANG DIPERTUAN: bermena seseorang yang telah dilantik bertaraf itu telah terpilih oleh satu pemilihan tertentu: dianya tidak terjadi dengan sendirinya. Kuasa seorang Raja yang bertaraf Yang Di Pertuan ialah ditangan rakyat: ia hanya mengesahkan

sesuatu yang telah betul dan tidak boleh menolak sesuatu yang tidak disukainya: Yang Dipertuan juga tidak boleh melantik sapaorang pembesar negeri yang mana hanya dibawah kuasa rakyat dalam sesuatu perkara tertentu. Bermannalah sapaorang Raja yang bertaraf Yang Di Pertuan itu hanya ketua saja dan diketuakan. inilah yang dikatakan di zaman silam "Alam diberi Raja": lebih jelas sekarang ini demokrasi rakyat bukanlah pula seperti Demokrasi berparlement seperti yang ada sekarang diamalkan di Malaysia.

Demokrasi Perpatih (Melayu) bukanlah demokrasi Angels yang menjadi amalan di dunia barat. Demokrasi Perpatih telah diamalkan lebih dahulu lagi dari itu (demokrasi barat).

Seperti kata panduan demokrasi Perpatih:

Charian pada anak-buah;
Tumpuan kata pada Lembaga;
Sah batal kepada Penghulu;
Keadilan kepada Raja.

Anak-buah berbuapak;
Suka bertua (berlembaga);
Iaak berpenghulu (Undang);
Alam diberi Raja.

Terjadinya sembilan Luak-luak:
dinamakan Negeri Sembilan.

Satelah Dato' Perpatih berjaya membuka negeri di-
sebahagian Semenanjung ini dengan perpaduan yang kokoh dan telah
membawa kemakmuran dan penduduk yang ramai: maka datanglah kuasa-
kuasa luar menyerang dan menaluk negeri ini seperti kuasa dari
kerajaan Majapahit, kerajaan Aceh, Bagis, Portugis, Belanda dan
Inggris yang mana kawasan yang dibawah kuasa Dato' Perpatih dulu
itu berseutu atau satu, menyebabkan terpecah-pecah: Johor berasingan
Harau berasingan dan Kelang juga berasingan maka tinggalah Luak-
Luak di N. Sembilan saja yang tidak berasingan dan menjalankan pe-
merintahan di Luak masing-masing ia-itu:-

- (1) Luak Seg:Ujung (Semanjung) (2) Luak Jelebu (3) Luak Johol
 - (4) Luak Rembau (5) Luak Ulu Muar (6) Luak Jempul (7) Luak
 - Terachi (8) Luak Gunung Pagar dan (9) Luak Inas. Inilah
- yang dinamakan Negeri Sembilan sekarang.

LUAK TERACHI:

Terachi dikenali sebagai Luak Terachi bermula sejak
beraja ka Johor lagi yang mana mengikut cerita lisan dari orang-
orang tua, bakal penyandang yang pertama ialah dari Suku Biduanda
pergi dengan perahu beranda menantu nya yang bersuku Tiga Nenak
dan chuchunya yang bersuku Sri Lemak Pahang (Selomak). Bila sam-
pai masa hendak mengadap meminta restu: bakal Penghulu itu mem-
benarkan menantu dan chucunya saja pergi mengadap dan

sembahkan kepada Sultan, Penghulu ada diperahu kerana udzur: tetapi bila mengadap lain pula yang disembahkan. Menantunya yang bertiga Tiga Wenek menyembahkan anaknya yang bersuku Sri Lemak Pahang lah Penghulu Luak Terachi. Sultan menerima sembahsan itu. (diperchayai pada^{hari} inilah Sultan Johor mengerniakan gelaran dan ehop mahor). Bila sampai diperahu terus balik: dipertengahan jalan bakal P'lu bertanya kan apa yang sebenarnya berlaku dan bagaimana pemeritaa Sultan: maka disinilah menantunya menyatakan apa yang sebenarnya telah berlaku. Mereka bertiga berpatah balik dan mengadap Sultan sekali lagi, menceritakan yang sebenarnya: tetapi Sultan tidak berganjak bahkan menyatakan, "Raja bertitah sekali dan Undang bertitah sekali." Kedudukan Penghulu Terachi pada Suku Sri Lemak Pahang tidak berubah hingga sekarang ini.

Orang yang pertama menjadi Penghulu Terachi itu bernama Ahmad. Penghulu Ahmad pada masa itu masih bujang dan memilih perempuan dari Suku Biduanda Semujung / kg: Kundungan menjadi isterinya sebagai memujuk kemarahan datu⁸ nya bakal Penghulu yang tidak jadi.

Kawasan Luak Terachi yang ada sekarang ini bersempadanan - kan Bukit Putus dengan Luak Sg:Ujung (Semujung) di barat: batu 17½ tebing kiri mudik ka Ulu Farit hingga pertengahan bukit yang memisahkan Sri Menanti dan Kg:Farit dan mengarah ka utara melalui kg:Lanjut Manis hingga ka Langkap; sempadan timurnya: sempadan utara pula,, kawasan Langkap hingga di hulu sungai Gelinohi, disebelahnya Luak Jelebu dan sempadan selatan nya pula disepanjang bukit dari banjaran Gunung Angsi~~xxx~~ disebelahnya Luak Rembau; memanjang katimur hingga ka Bayan, disebelahnya Luak Ulu Muar. Penjelasan nya:

Katimur bersempadanan dengan Luak Ulu Muar~~xxx~~

Ka Barat bersempadanan dengan Luak Sg:Ujung (Semujung).

Ka Utara bersempadanan dengan Luak Rembau dan sabahagian U.Mr.

Ka Selatan bersempadanan dengan Luak Jelebu.

Inilah dia Luak Terachi sekarang yang di perintah oleh Penghulunya yang bergelar Dato' Anjah Pahlawan, Orang Kaya Terachi ~~pela~~ Setiawan: diperintah bersama dengan beberapa orang Dato'-dato' Lembaganya berbagai Suku berjumlah enam orang: iaitu:-

Suku Biduanda	gelaran nya	Dato' Raja Dimuda.
Suku Tiga Wenek	gelarannya	Dato' Menti Maharaja: merangkap aluan sembah.
Suku Anak Acheh	gelarannya	Dato' Amar Pahlawan.
Suku Selomak Minangkabau	"	Dato' Raja Sokara.
Suku Datubelang (Tebelang)	"	Dato' Raja Senara.
Suku Batu Hampar	"	Dato' Paduka Menteri.

Tambahan:

Salain dari enam Lembaga yang memerintah dibawah Penghulu, ialah:-

Dato' Andatar dari Suku Sri Lemak waris (S L Pahang): diletakkan menjadi bakal Penghulu.

Dato' Siamar Raja dari Suku Sri Lemak waris: Ketua (besar) waris perut Hilir.

Dato' Siamar Penghulu, dari Sri Lemak waris: Besar (Ketua) waris perut Hulu.

Kedua-duanya salain dari Dato' Andatar tidak layak menjadi Andatar melainkan diletakkan dulu juatan nya dan dipilih oleh anak-buah dalam perutnya (Hulu atau Hilir).

Dalam kesemua Dato' yang dibawah Penghulu itu, empat orang mempunyai kuasa muktamad; iaitu dato-ddato' yang disenaraikan dari satu hingga empat (Dato' Suku Biduanda, Tiga Menek, Anak Acheh dan Selomak Minangkabau).

Dibawah Lembaga-Lembaga tersebut ada pula ada lagi satu ketua yang dikenali sebagai dengan gelaran masing-masing:-

Biduanda	gelarannya	Siamar Menteri,
Tiga Menek	gelarannya	Sotia Raja
Anak Acheh	gelarannya	Paduka Sinda (Kerinda).
Sri Lemak (H)	gelarannya	Raja Pahlawan.
Batu Belang	gelarannya	Raja Kaya (Jekaya)
Batu Hampar	gelarannya	Penglima Sati.

Gelaran yang lain-lain dari Suku-suku tersebut ialah sebagai pegawai-pegawai:-

Pegawai 99 (pegawai Raja):

Biduanda	(1) Penggawa	(2) Laksamana (3) Tambak
Tiga Menek	(1) Laksamana (P.L)	(2) Jempolan (A.).
Anak Acheh	(1) Menderang	(2) Kyehkiah (A. Laksamana)
(Kedua-dua ind bertempat di Ayer Hitam).		
Sri Lemak (H)	(1) Raja Lela (P.L) (2) Penglima (P.L) (3) Sura (P. lebar)	
Batu Belang	(1) Laksamana	(2)
Batu Hampar	(1)	(2)

Pegawai Penghulu:

Biduanda	(1)	(2) (3)
Tiga Menek	(1) Pengkahan	(2)
Anak Acheh	(1) Sotia Raja	(2) Sotia Penghulu
Batu Belang	(1) Laksamana	(2)
Batu Hampar	(1)	(2)
Sri Lemak (H)	(1) Lonsor	(2)

Selain Suku-suku (P.L) dan Suku-suku tersebut pegawai-pegawai 99:

(1) Suku Siamar (Pahang) (2) Suku (Beringin Tambak)

(3) Suku (Beringin Tambak).

12/.....

Ibu soko:

Ibu Soko:

Ibu Soko dilantik atau dipilih, seorang pada tiap-tiap suku: kerjanya membantu Buapak dan melicohinkan hal ehwal yang bersangkutan dengan Adat Istiadat.

Tugas atau peranan:

Meraka-meraka yang telah terpilih atau dilantik menyandang sesuatu jawatan didalam Adat, ianya menjalankan peranan mengikut jawatan masing-masing:

(1) Pemhulu:

Penghulu adalah pemerintah tertinggi didalam Luak masing-masing seperti yang ditegaskan oleh Adat: "Penghulu itu dialah Raja dan dialah Penghulu dalam Luaknya masing-masing menjalankan keadilan dengan tegas mengikut dasar Adat; sah batal pada Penghulu"

1. Memilih atau memilih Dato' Lembaga yang baru.
2. Mempastikan keadilan berjalan dengan baik dikalangan pemerintahan Dato'-dato' Lembaga yang dibawahnya dalam Luaknya.
3. Memutuskan sesuatu masalah yang tidak dapat diputuskan oleh ketua-ketua yang dibawahnya.
4. Berperhubungan dengan Raja selaku orang besar Daerah.

(2) Lembaga:

1. Lembaga, kedudukannya ialah orang ke dua dibawah Penghulu: seseorang Lembaga samistinya sentiasa menjalankan dan memastikan hal ehwal yang bersangkutan dengan Adat berjalan dengan sempurna serta betul.
2. Mempastikan tidak ada pechah belah dalam suku dan dikalangan anak-buah yang dibawah perintahnya dan juga diantara Suku-suku perpaduan sentiasa terpelihara;
3. Boleh menjalankan peranan sebagai mana yang dinyatakan didalam Negeri Sembilan Government GAZZETE bertarikh 19hb Ogos 1898: No: 212. (Dilampirkan).

(3) Buapak:

Tiap-tiap seorang Buapak itu, menjalankan upacara dan adat istiadat dikalangan anak-buah masing-masing dalam hal nikah-kahwin, kematian, percherahan dan lain-lain yang bersangkutan dengan anak-buah masing-masing dan menyusun kesenian adat dalam sesuatu istiadat mengikut tumbuhnya. Buapak juga boleh menentukan sesuatu hukuman jika berlaku sesuatu kesalahan dikalangan anak-buah yang dibawah perintahnya termasuk perkara dasar dan Adat-istiadat. "Charian pada anak-buah; anak-buah berbuapak; buapak melingkungu anak-buah" Buapak adalah orang yang bertanggung jawab kepada Lembaga dan dasar.

(4) Pegawai 99.

Pegawai 99 ini ialah pegawai Raja yang berjumlah 99

orang semuanya. Dalam masa istiadat mereka berperanan mengiring Raja atau lain-lain tugas yang telah ditentukan diatas gelaran dan suku masing-masing, dihari istiadat yang diadakan di istana seperti hari keputeraan, pertabalan, kemangkatan seseorang Raja (Yang Dipertuan) dan lain-lain tugas mengikut perintah Raja: mana-kala di kalangan Sukunya adalah sama darjatnya dengan anak-buah yang lain-lain: tetapi dia bertanggung jawab yang perjalanan Adat tidak terohemar: jika berlaku sesuatu yang tidak kena, dia hendaklah melaporkan kepada Lembaga. Pakaiannya rasmi pegawai 99, berwarna hitam keseluruhan nya.

Manakala Pegawai Penghulu pula hanya bertanggung jawab kepada Penghulu Luak masing-masing: tidak sampai keistana.

Perlantikan Penghulu, Lembaga dan Buapak.

Semua penyandang-penyandang yang telah dilantik katoraju pemerintah / pemimpin akan kekal: melainkan tertaaluk kepada tiga perkara:-

- (1) Kematian.
- (2) Meletak jawatan.
- (3) Dipecat.

Penghulu.

Apa-bila sa sa orang Penghulu meninggal dunia: bagi Luak Terachi, berkata Adat, "PENGHULU MATI, PENGHULU MENANAM!"

Penghulu Luak Terachi yang telah meninggal dunia tidak boleh dikebumikan melainkan dengan perintah Penghulu yang baru; maka dari itu seorang Penghulu baru hendaklah dilantik dulu. Dalam Luak Terachi peraturan nya ialah, "Apa-kala Penghulu mati, Andatar dichari?"

Satelah mendapat berita bahawa Penghulu Luak Terachi telah meninggal dunia, semua Lembaga yang enam hendaklah bersegera ke tempat kematian itu, dibalainya atau ditelakan nya/^{pak} telaganya. Pemberi tahu yang sah yang disampaikan sahara lisan oleh orang besar Penghulu yang bergelar Dato' Siamar Raja atau siapa-siapa yang diarahkan nya: mana-kala seorang lagi yang bergelar Dato' Siamar Penghulu, menubggu di balai/telaga menyediakan dan mengatur kesiapan.

Manakala semua enam Lembaga telah hadir dan juga Dato' Andatar (bakal Penghulu): semuanya berhimpun dipangkal Serambi; dikala itu, Dato' Siamar Penghulu dan Dato' Siamar Raja tekah sefaham dan semuafakat, bahawa dua tidak, tiga tidak: bahawa pengganti Penghulu Luak Terachi itu ialah Dato' Andatar: kenyataan itu disampaikan kepada Dato' Amar Pahlawan selaku orang perantara serta menunjuk kepada Dato' Andatar yang berada disitu. Dato' Amar Pahlawan dengan tidak berlungah-lengah, berhadap pula kepada Dato' Menti Maharaja selaku aluan sembah dan menerimanya dan berhadap pula kepada Dato' Raja DiMuda selaku Lembaga kanan

setelah diterima oleh Dato' Raja Dimuda terus diishtiharkan: bahawa Dato' Andatar telahhdipersetujui menggantikan Allah yarham Penghulu yang telah meninggal dunia: maka mulai dari saat ini, hari ini (nama)..... diishtiharkan menjadi Penghulu Luak Terachi yang ke..... dengan gelaran Dato' Anjah Pahlawan, Orang Kaya, Lela setiawan. Mulai dari saat itu Penghulu Luak Terachi sudah diganti dan Lembaga-lembaga pun meyembah, didahului oleh Dato' Raja Dimuda, diikuti oleh Dato' Menti Maharaja, Dato' Amar Pahlawan, Dato' Raja Sekara, Dato' Raja Senara dan Dato' Paduka Menteri: maka sahlah kedudukan Penghulu yang baru dilantik itu. Salapas itu Dato' Amar Pahlawan mengishtiharkan kepada orang kekosogna Dato' Andatar dan Penghulu yang baru itu pula memerentahkan menyempurnakan pengkebumian jenazah Penghulu yang meninggal. Maka dengan peristiwa yang baru berlalu itu sempurnalah dua peraturan berjalan sehari dalam masa singkat sehari: iaitu perlantikan Penghulu yang baru dan menyempurnakan Pengkebumian Penghulu yang meninggal.

Perlantikan Dato' Lembaga Penghulu yang meninggal, meletak jawatan, dipechat, sama sahaja charanya melainkan berbeza tempatnya sahaja. Perlantikan kerana kematian, dibalai Penghulu yang meninggal: tetapi jika perlantikan kerana a terpechat atau meletakkan jawatan, samastinya ditelaga / telapukkan Dato' Andatar.

Perlantikan Dato' Lembaga lain pula.

Apa-bila seseorang Dato' Lembaga telah meninggal dunia Buapak sesuatu suku itu hendaklah mengishtiharkan gantinya mengikut gelaran perut: kalau berkenaan hendaklah menghantar surat kepada Penghulu Luak Terachi dan salinannya kepada Penyelia Adat dan Pegawai Daerah Kuala Pilah. Kalau yang sasuai hendaklah dinilai sebaik-baik nya oleh Buapak yang berkenaan: kemudiannya dikemukakan kepada Penghulu Luakxxx semua kalau-kalau berkenaan sechare beradap tertip dengan menyembahkan kepada Penghulu. Kalau-kalau yang telah dikemukakan berhadapan kepada Penghulu untuk menentukan kelayakkan, berunding pula dengan empat orang Lembaga tiang balainya: ia-itu dato' Raja Dimuda (Biduanda), Dato' Menti Maharaja (Tiga Nenek) Dato' Amar Pahlawan (Anak Acheh) dan Dato' Raja Sekara (Sri Lemak Minangkabau): ke empat-empat Lembaga tersebut hanya memberi pandangan dan nasehat sahaja: keputusan muktamat ada pada Penghulu. Penentuan kalau-kalau yang berjaya, kebiasaannya diadakan pada suatu masa yang ditentukan, tempatnya dibalai Undang atau dilapangan sekolah mengikut persesuaian dengan disaksikan oleh Tengku Penyelia Adat dan Pegawai Daerah atau wakilnya: perishtiharan dibuat oleh Penghulu Luak sendiri: keputusan yang dibuat oleh Penghulu, muktamat.

Penyandang pusaka Dato' Lembaga, bakal Penghulu, kebiasaannya disandang bergeler-geler oleh Suku yang berkenaan sahara bergeler-geler mengikut perut yang telah ditentukan: adalah seperti berikut:-

1. Dato' Andatar, bakal Penghulu; hanya disandang oleh Suku Sri Lemak Pahang sahaja: lebih dikenali Sri Lemak Waris.

Geleran Dato' Andatar ini disharatkan, jika Penghulu sedang berada diperut Hilir, Andatarinya harus berada diperut Hulu: syarat ini boleh dituruti sakiranya perut geleran yang berkenaan tidak mempunyai masalah: sakiranya chalun atau perut yang sepatutnya menerima geleran itu akan berpindah kaperut yang satu lagi. Mithalnya: perut yang sepatut, ialah perut Hilir: tetapi kerana perut itu tidak dapat menyelesaikan masalah dalam perutnya sendiri maka perpindahan akan berlakunya: perut Hulu akan diminta pula mengemukakan chalun jika persesuaian, chalun Perut Hulu itu boleh dilantik atau dipilih dengan syarat ianya tidak terkeluar dari perut Suku Sri Lemak Waris itu sahaja kerana orang-orang dalam Suku Sri Lemak waris itu satu nenek bukan berasingan. Jika merujuk pada nama-nama Penghulu Luak Terachi, penyandang-nya sabahagian besar ialah dari Perut Hilir (5 dari Perut Padang Lebar dan 6 dari perut Beringin Tambak) manakala perut Hulu hanya 2 orang (Hj: Husain bin Hj: Ahmad dan Hj: Husain bin Wahid (Lebai Petot). Ini bererti geleran Hulu dan Hilir itu tidak samistinya. Mengikut kata orang-orang tua yang tahu hal itu pun menyatakan tidak ada geleran Hulu Hilir dimistikan. Bagi menjaga keamanan, perut yang sepatutnya itu di beri keutamaan lebih dahulu. Chara pemilihannya; chalun dikemukakan kepada Penghulu manakala pilihan dibuat oleh Lembaga yang enam dan keputusan nya dibuat oleh Lembaga yang enam, disebarkan kepada Penghulu dan perishtiharan dibuat oleh Penghulu dalam suatu majlis terbuka: muktamat.

2. Manakala Lembaga yang enam mengikut perut dalam Suku masing:-

Biduanda perutnya tiga:

- (1) Perut Masjid atau kg:paoh.
- (2) Perut Rembau
- (3) Perut Kundangan. (Perut ini diragukan bahagian geleran Buapak dan Lembaganya kerana ini adalah perut mendatang: khabarnya bermula dari seorang anak yang telah diambil sebagai anak oleh seorang dari suku Biduanda dikampung itu berakhir dengan kembang biak. Perut Kundangan ini hanya satu orang saja yang menjawat jawatan Lembaga sejak Terachi bernama Terachi: jawatan ini didapatinya dengan chara tipu-halah. Penjawat nama nya *Hj: Manap & Hj: Udin* tidak kekal kerana menjadi gila. Sebab dinamakan perut Kundangan itu berpuncha dari budak itu yang dikundang/bawa oleh ibunya. Kosana kemari: maka dinamakanlah Biduanda perut Kundangan hingga sekarang. Peruntukkan khas Biduanda perut ini ialah bergelar NIKA, penjaga balai Penghulu atau dipanggil juga sebagai anak Penghulu). (Terpulanglah kepada Suku Biduanda sendiri membuat keputusan).

keputusan

16/.....

Suku Tiga Menek: perutnya tiga.

- (1) Perut Hulu Parit (2) Perut Parit Tengah
- (3) Perut Ayer Hitam.

Suku Anak Aceh: perut geleran nya tiga.

SEREK (1) Perut Ayer Hitam termasuk yang tinggal di kg Ulu Bendul yang keturunan nya dari Nyak (Nyai) ^{Nono Tet dan} (Satu lagi keturunan Anak Aceh yang tinggal di batu menguchap Ulu Bendul itu adalah keturunan dari Rembau berasal dari neneknya bernama..... ^{SIMAH}..... tidak layak menyandang pusaka Buapak dan Lembaga).

- (2) Perut Parit Tengah:

Perut ini ada dua keturunan:

Satu keturunan daripada nenek ^{SABUT}.....

Satu lagi keturunan nenek ^{RIMPUN}..... Chabangnya di kg: Mampas Kechil. (satu chabang lagi di Hulu Jempul, menetap disana dan berlembaga disana: mereka chabang Jempul ini sudah menjadi Anak Aceh Luak Jempul: tidak lagi layak menjawat sabarang jawatan yang teruntuk di Luak Terachi. Mereka adalah anak-buah Dato' Sri Pahlawan Jempul).

- (3) Perut Ulu Parit:

Perut Ulu Parit ini ada dua. Satu dpnya keturunan ^{SOROK}..... : keturunan inilah yang layak menjawat pusaka Buapak atau Lembaga.

(Satu lagi keturunan ^{SUMAH}..... (keturunan ini orng mondatang dari Rembau yang diberi belas kasihan oleh Dato' Amar Pahlawan Kasah dahulu: pada mas^g itu penduduk belum berkembang: tidak layak menjawat sabarang jawatan).

Suku Sri Lemak Minangkabau. Ada ³... perut.

- (1) Perut ^{Padang Lebar}..... (Ulu Bendul & Mampas)
- (2) Perut ^{Ulu Parit}.....
- (3) Perut ^{kg Terachi}.....

Keturunan inilah yang mula-mula sampai dan meneruka dikawasan Ayer Sejuk sekarang: manakala sawahnya disebelah utara: pada masa itu suatu padang yang lebar: maka di-namakan kampung itu kampung Padang Lebar hingga sekarang ini. Nenek asalnya seorang perempuan tua diundang dengan panggilan nenek panjang rambut dan juga nenek be ok (tetek) labuh. (Suatu sumbar kenyataan orang tua ini namanya TAICHI - tidak ada sumbar lain).

Suku Batu Hampar Luak Terachi

Suku ini ada tiga perut
gebran nĕnĕtap di legi Hampar sĕbarang:
suku ini asal-nya di Sri Menanti,
di atas kĕkembangan mĕreka banyak yang
kĕluar dari Sri Menanti kĕrang, tidak
shukup tĕmpat. Mĕreka tĕlah mĕneruka
alau berpĕndak ka-mĕrat, tĕmpat di N.S.
sapih di Rĕmbau (Batu Hampar-Batu Hampar
sĕbarang legi Pilin dll). Bila mĕreka mĕ-
nĕtap di Terachi (Luak Terachi) terjadilah
3 perut mĕngikut di mana datang-nya

- (1) Perut Hulu, orang tua-nya di-kĕnal
dengan nama Hjĕ Nĕal. Mĕreka tĕlah
berpĕndak ka-Rĕmbau dan datang pula
ka-Terachi dan mĕnĕtap di-kĕnal
dengan nama perut Rĕmbau.
- (2) Perut Hilir, datang terus dari Sri Menanti,
di-kĕnal dengan nama perut Hilir,
orang tua-nya nama Tiamah.
- (3) Perut Sabĕrang, orang tua-nya di-kĕnal
dengan nama Dorai, mĕreka tĕlah ber-
pĕndak ka-Labu dan datang pula
mĕnĕtap di Terachi, di-kĕnal dengan
nama perut Sabĕrang. Maka ter-
jadilah 3 perut gebran pĕmĕngang
pusaka Lembaga dan Buapak.

Suku Batu Belang:

Suku Btu Belang ini mempunyai²..... perut.

- (1) Perut^{Tobek}.....
- (2) Perut^{Bukit}.....
- (3)

Suku Btu Hampar:

^{tiga}

Suku Batu Hampar ini hanya satu perut sahaja: chara pemilihan Lembagaanya digelarkan diantara penduduk Hulu, Hilir dan Sabrang: semuanya berada dalam kawasan Mampas. Suku ini ada lagi satu perut yang bertempat di Ulu Bendul sekarang: kumpulan ini adalah perut mendatang: mereka tidak termasuk dalam pemelihan Buapak dan Lembaga. (^{Hulu & Rembau & Hilir & Sri Mewanit & Sabrang & Labu})

Dato'-dato' Lembaga ini, keseluruhan nya akan diganti apabila terjumpa salah satu dari tiga sebab:

- (1) Mati
- (2) Meletak jawatan
- (3) Dipechat.

Sakiranya sa-sa-orang Lembaga itu meninggal dunia, paduan adatnya, "Hilang berganti". Perkara demikian, anak-buah dalam perut geleran itu akan mencharikan gantinya. Chalun yang telah dipersetujui akan disampaikan kepada Buapaknya: chara yang sabbaik-baiknya, Buapak Suku itu sendiri mengetuai perhimpunan bagi menchari gantian itu dengan tujuan agar mendapat sabulat suara pada satu chalun sahaja supaya menepati kata, "Bulat boleh digolekkan, pipih boleh dilayangkan. Chalun yang telah terpilih hendaklah membuat surat tuntutan kepada Penghulu Luak Terachi dan salinan-kepada Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah dan Penyelia Adat. Chalun juga sebelum mendapat perisytiharan hendaklah dihantar mengadap Penghulu Luak terlebih dahulu oleh Buapak nya dengan dihantar sama oleh beberapa orang anak-buah laki-laki dan perempuan sebagai mengenalkan diri. Pengisytiharan sah menyandang akan dibuat pada suatu majlis khas disasutu tempat yang ditetapkan oleh Penghulu dengan dihadiri sama oleh Penyelia Adat dan Pegawai Daerah atau wakilnya. Berkenaan meletak jawatan atau dipechat sama juga charanya: tetapi chalun gantian itu tidak berganjak ke lain perut. Kata adatnya, "Patah Tumbuh". Kesemua pilihan ini tertaaluk dibawah peraturan adat, "Patah Tumbuh, Hilang Berganti". (Berlainan dengan chara pemilihan Andatar).

Tiap-tiap Lembaga yang telah di isytiharkan sah menyandang jawatan Dato' Lembaga atau besar waris dalam suatu majlis khas yang disaksikan oleh Tuan Pegawai Daerah K. Pilah, Tengku Penyelia Adat dan orang ramai: maka sahlah sa-sa-orang diatas lantikkan nya dan berhaklah dia mengambil habuan pemakanan nya dipejabat Daerah K.P.

Sungguh pun sah chara perlantikan nya: tetapi belum sempurna dikalangan kewarisan atau anak-buah salagi sa sa orang Lembaga itu, ^{belum} mengadakan majlis Kerjan dan menyandar dengan mendapat pengiktirafan se-ajar.

Kedua-dua majlis itu dibuat berasingan; iaitu:-

- (1) Majlis Kerjan diadakan dirumahTelapakkan, iaitu di rumah ibu atau kakak atau adek. Chara peraturan nya:
1. Diadakan pada ^asabelah ⁿpgi siang hari.
 2. Pada hari berkeak (mula kerja)nya pada ^asabelah petang sahari ⁿsabelum berlangsung dengan memulakan dengan 4 bedilan (tanda bermula).
 3. Pada petang itu juga disempurnakan sembelihan kerbau atau lembu. (Orang-orang dulu menyebut kerbau: tetapi nilai kerbau atau lembu sama sahaja diisisi sharak jika dibuat korban). Pada malam itu juga biasanya diadakan khanduri arwah.
 4. Setelah bedil ditembakkan pemasangan adat kebesaran dijalankan oleh Buapak dan pembantu-pembantu. Alatan nya ialah, 2 pedang, 1 keris panjang, 1 keris pendek: suku-suku tertentu ada tombaknya. Selain dari itu bendera, tonggo, ular-ular juga dipasang: tempatnya diujung halaman rumah dengan membujur beserta 1 payung hitam dan 1 payung kertas terkembang. warna bendera dan lainnya mengikut suku masing2.
 5. Dalam majlis Kerjan ini saelok-eloknya dihadziri bersama oleh Tengku Penyelia Adat, Tuan Pegawai Daerah Kuala Pilah, Penghulu Luak dan semua Lembaga dalam Luak berkenaan. Kedatangan Lembaga diberi sambutan dengan 4 das tembakkan.
 6. Setelah sampai masa yang ditentukan, Lembaga yang berkerjan itu hendaklah keluar dari dalam rumah dengan pakaian kebangsaan penuh dengan berdestar: sebelumnya ibu dan bapa Lembaga berkenaan telah siap duduk, ibu disabelah kanan dan bapa disabelah kiri. Lembaga yang di iringi oleh Buapak terus katempat yang telah disediakan diujung serambi (lujung), tilam yang ditutupi dengan tikar berompok: sebelum Lembaga itu duduk lebeh dahulu dia menyembah ibu kemudian bapanya dituruti oleh isteri Lembaga: kemudian barulah duduk diatas tilam yang telah disediakan dan isteri ^asabelah kiri. Istiadat kerjen bermula dengan ucapan oleh Buapak, kemudian-nya memanggil semua anak-buah datang menyembah: laki-laki dan perempuan dalam suku itu sahaja: pengakhiran dilakukan oleh Buapak selaku menyembah penutup.
 7. Do'a dibacakan tanda berakhirnya majlis kerjan itu.
 8. Lembaga berkenaan pergi kapangkal serambi mendapat-kan Lembaga-lembaga yang hadzir dan bersalaman: maka bererti, ^atinggi ^aduduk sama ^atinggi ^arendah dan berdiri ^atinggi dengan Lembaga-lembaga yang lain.

Hedangan disajikan dan makanlah bersama. Apakala semuanya sudah selesai maka berakhirlah majlis kerjan Dato' Lembaga berkenaan. Sabagai penutup sekali lagi 4 das tembakkan dilepaskan.

(2) Majlis dan istiadat menyandar:

Istiadat menyandar ini bererti pengiktirafan oleh suku dipehak isteri Lembaga. Charanya sarupa saja melainkan pada hari itu dalam masa yang telah ditentukan Lembaga berkenaan datang ke-rumah nya (^{rumah} ~~daripada~~ isteri) dari rumah Telapakkan, diiringi oleh anak-buah laki-laki dan perempuan dengan didahului oleh Buapak membawa pedang diapak oleh dua orang anak-buah yang berkeris dikiri kanan-nya hingga kamuka tangga. Setelah dialu-alukan dan dipersalahkan naik oleh petugas di rumah isteri itu, maka pembawa senjata itu pun meletakkan senjatanya ditempat yang telah tersedia dan waris pesoko (prm) yang memayungkan Dato' Lembaga itu juga meletakkan payung itu ditempat ~~nya~~ yang sudah disediakan (payung hitam): kesemuanya naik kaatas rumah. Diatas rumah disambut oleh buapak dan isteri: didudukkan suami isteri ditempat yang telah disediakan seperti berkerjan dahulu juga: buapak tadi balek kapangkal serambi duduk bersama Lembaga suku sebelah perempuan dan Dato' dato' yang lain.

Sabelum majlis itu dimulakan, buapak dari Lembaga yang datang berjumpa dan berchakap dengan ~~buapak~~ buapak Lembaga menanti memulakan adat istiadat, iaitu menyatakan apa yang dikehendaki oleh adat sambil mengangkat tangan (sembah adat) dan berkata, "Kita manusia didunia ni sentiasa berjalan dan mengikut dibawah garis panduan Tuhan; ada kalanya ibarat ayer tu surut; ada kalanya pula naik: dalam ketentuan adat pula dalam semenda menyemenda, tuah ayam dapat dilihat pada kaki dan paruhnya: tetapi tuah manusia tuhan saja yang tahu. Sekarang sampai masa dan ketikanya saya (gelaran buapak) dari suku menyatakan dengan sebenarnya ibarat enau pangkat kebawah, ibarat pulai berpangkat naik. Saya turun dari rumah yang berkotak tangga telapakan Dato' diiringi dek anak-buah: ibarat geluang dah menjadi yu, kalau ibarat gajah dah nampak belalainya, kalau ibarat harimau dah berbelang. Orang semenda ni masa dia datang dulu, nama sahaja, sekarang dah bergelar dan memerintah pula ditempatnya: lembaga bergelar Dato' : diserahkanlah pada orang sini kok panjang nak dilintangkan, kok besar nak disandarkan: inilah sabagai tanda rupanya (wang adat Lembaga \$21/- sekarang) diserahkan. Buapak yang menerima (pehak prm): menerima dan menyampaikan kepada Lembaga pehak prm dengan kaja-kata yang sesuai. Dato' Lembaga itu merenjanya dan memerentahkan semua anak-buah yang hadir menyembah kepada Lembaga orang semendanya itu: didahului oleh Buapak dan disudahi oleh besar warisnya. Setelah selesai: Lembaga yang disandarkan itu bermaana telah diterima, telah diterima sabagai Lembaga yang sataraf. Dia turun dari tempat duduk khasnya mendapatkan

Lembaga tempat semendanya dan bersalam-salaman. Mulai dari hari itu berhaklah ia diadatkan (menerima adat) hidup dan matinya.

Kerjan Penghulu;

Tiap-tiap orang yang telah dilantik menyandang pusaka Adat hendaklah berkerjan dan menyandar atau berbalai diwajibkan mengikut peraturan adat. Kerjan diadakan di rumah ibu atau tetapakan: manakala menyandar atau berbalai, di rumah isteri.

Bagi Penghulu Luak Terachi mistilah dia dikerjan di rumah ibunya atau saudaranya (jika tidak ada lagi ibu) ditanah adat kepunyaan suku Sri Lemak waris. (penghulu sekarang dikg:Memapas).

Keadaannya sama saja sebagai mana Lembaga berkerjan: tetapi Kerjan Penghulu didukung bersama oleh semua waris yang berlembaga dalam Luak itu. Jemputan juga termasuk YDP Besar NS atau wakilnya dan kerajaan juga ada memberikan bantuan seperti peralatan dan kemudahan yang diperlukan. Sebelum istiadat kerjan itu dijalankan perundingan dijalankan bagi mengaturkan segala yang bersangkutan.

1. Dihari pertamanya juga dipanggil berkenak pada sebelah petang sebelum berlangsung keesokkannya didahului dengan tembakkan meriam (atau lain-lain bedil) sebanyak enam das.
2. Memasang alat-alat kebesaran diluar rumah dan diatas rumah oleh Dato' Raja Dimuda (ketua). Sebelum alat-alat kebesaran itu dikeluarkan, kemenyan dibakar dan berdo'a dulu: kedua-dua orang besar Penghulu misti hadir pada masa itu; Dato' Siamah Raja dan Amar Penghulu dan sakurang-kurang; seorang waris bersoka. Penghulu sendiri yang membuka petti itu. Peralatan kebesaran itu merupakan alatan senjata, pakaian dan chep mohor kurnian Sultan Johor kepada Penghulu yang pertama dulu. (Benda-benda yang dikatakan kebesaran itu, sechara terpeninchi boleh dinyatukan dalam lembaran yang lain).
- 3) Pada ke esokkan harinya, sebelah pagi pada masa yang ditetapkan, Penghulu yang berkerjan turun dari rumah ketempat mandi (berlangir limau) disuatu tempat yang telah disediakan dibahagian halaman rumah, didahului oleh Mengkahar pembawa limau (Mengkahar ini yang dikhasikan pada suku Tiga Nenek sahaja), dipayungkan oleh soko waris Biduanda, diiringi oleh Dato' Raja Dimuda dan Dato' Menti Maharaja. Waktu Penghulu turun tangga hendak pergi berlangir, tembakkan enam kali dilepaskan, tandanya majlis Kerjan Adat-istiadat kerjan ~~xxxxxxxxxxxxxxxxxxxx~~ telah bermula.
4. Di tempat mandi, limau diramas oleh Mengkahar; mana-kala memelimaui dilakukan oleh Dato' Menti Maharaja; Dato' Raja Dimuda memerhatikan sahaja. Bermula dari tangga turun hingga ketempat mandi, direntangi dengan kain putih dan dibahagian atas tangga juga. (Rentangan kain putih itu dipanggil gajah menyusu).
5. Setelah selesai mandi-limau, Penghulu naik samula ke atas rumah dan semua Lembaga yang hadir turun mengiringkan kutengah rumah dan duduk bersama. Penghulu membakar kemenyan doa dibaca.

6. Menunggu masa istiadat mengadap, Penghulu besalin pakaian sedondong berdestar. Mana-kala dibahagian serambi telah disempurnakan tanda rupa yang diadatkan:--

1. Tempat sila Penghulu bertingkat lima dihujung.
 2. Ampaian 8 tergantung ditabir langit-langit, dihujung dan dipangkal dan tabir panjang.
 3. Pegawai Penghulu dengan pakaian hitam, berdiri dikiri kanan, berhampiran dengan tempat sila Penghulu.
 4. Dato'-dato' Lembaga yang mengadap telah sedia mengikut aturan nya duduk dikiri kanan.
 5. Dato'-dato' Penghulu yang hadir telah pun duduk ditempatnya melintang, dipangkal serambi.
 6. Dato'-dato' Lembaga jemputan dan jemputan yang hendak menyaksikan, duduk dikiri kanan bahagian pangkal serambi.
 7. Apa-kala sampai masa yang ditentukan, Penghulu dipersilakan keluar oleh Dato' Siamar Penghulu, diiringi oleh Dato' Siamar Raja (kedua-duanya orang besar Penghulu): terus duduk ditempat yang telah disediakan bersama isteri beliau (Che' puan): ibunya pula telah ada sedia duduk disabelah kanannya dan bapa disabelah kiri. Buapak-buapak dan ibu-soko semua suku yang enam dibahagian tengah serambi.
 8. Setia-usaha merangkap Lembaga perhubungan Dato' Amar Pahlawan menyampaikan ucapan alu-aluan dan ucapan sejarah.
 9. Hajlis mengadap dimulakan dengan dipanggil oleh Dato' Siamar Raja mengikut geleran peraturan: dimulakan oleh Lembaga kanan, Dato' Raja Dimuda dari suku Tiduanda, diikuti oleh Dato' Menti Maharaja (bapa adat kepada Penghulu) bersalam saja, Dato' Amar Pahlawan, Dato' Raja Sekara, Dato' Raja Senara, Dato' Paduka Menteri: dipanggil seterusnya Buapak-buapak mengikut susunan, Ibu-soko dan terakhir Pegawai P'lu dan disudahi oleh Dato' Amar Penghulu dan penutupnya Dato' Siamar Raja.
 10. Pembacaan doa: dibacakan oleh Penasehat Ugama Adat Luak Terachi, Tuan Haji Omar bin Suntung.
 11. Penghulu yang berkerja bangun meninggalkan tempatnya, pergi berjumpa dan beramah mesra dengan Penghulu-penghulu Luak yang hadir dan Dato'-dato' serta jemputan lain: kemudiannya beredar ditempat berehat. wakil
 12. Keberangkatan tiba Duli Yang Dipertuan atau baginda diberi sambutan alu-aluan oleh semua Penghulu-penghulu yang hadir didahului oleh Dato' Penghulu yang berjanji mempersilakan katempat yang telah disediakan.
 13. Ucapan am oleh juru-sahara (juru-hebah),
 14. Penyampaian chendera mata kepada baginda atau wakil.
 15. Doa ama dibacakan oleh Qadzi Daerah K. Pilah.
- Selesai - jamuan makan tengah-hari - terakhirnya
tombakkan penutup enam das. 2/.....

setelah musta'id semuanya: Dato' Siamar Raja mengadatkan semua Lembaga yang enam, mengikut banyak nya adat Lembaga.

Mana-kala berbalai pula keadaannya, peraturan nya sama: tempatnya saja berlainan iaitu dirumah isteri. Berbalai bagi Penghulu Luak Terachi kebiasaan nya ta'Dapat ditentukan masanya kha kerana perbelanjaan mengadakan nya tidak ditanggung oleh kerajan melainkan bersendirian: tambahan pula pemakanan nya tidak bersamaan dengan kedudukan nya. Sa sa orang Penghulu Luak yang telah dapat berkerjan, adalah dianggap telah dapat menyempurnakan peraturan dan dia boleh diterima mengadap oleh DYMM Yang Dipertuan Besar NS untuk diishtiharkan kesempurnaan nya dan sejajar dengan orang besar yang lain dalam N.Sembilan ini. (Chara dan peraturan mengadap, orang empat istanalah yang lebih memahaminya).

Penduduk Asal dan Penduduk.

Tiap-tiap negeri didunia ini ada penduduk dan penduduk asalnya: sarupa juga seperti ditanah Semenanjung dan khasnya di NS.

1. Keseluruhan mereka - mereka yang mendiami negeri digugusan Alam Melayu ini sama sahaja iaitu penduduk aslinya, ialah Semang, Sakai, Jakun, Tagalog, Pangan, Kadazan, Dayak dan lain-lain: di NS ini, khasnya di Luak Terachi masih terdapat lagi keturunan seperti itu amnya dipanggil orang asli. Segia difahami, keturunan mereka itu, apa-bila dia berkahwin dari satu puak dengan puak yang lain anaknya menjadi keturunan campuran dan bergelar lain pula: seperti orang China dalam kumpian Hokian, perkahwinan mereka dengan puak yang berlainan melahirkan banyak puak seperti Gan, Tan, Tee dll. Sakiranya orang Melayu pula sakiranya berkahwin dengan perempuan yang bukan Melayu, anaknya tetap bergelar Melayu: tetapi jika laki2 bukan Melayu yang telah beragama Islam berkahwin dengan perempuan Melayu anaknya akan bergelar DK (darah keturunan): amnya adalah Melayu. Jika seorang keturunan Raja berkahwin dengan perempuan yang bukan Raja, anaknya tetap bergelar Raja: tetapi jika lelaki bukan Raja kahwin dengan perempuan keturunan Raja maka anaknya akan bergelar Wan. Dalam keturunan yang mendiami Luak Terachi di zaman silam terdapat keturunan orang asli campuran diantara Jakun dan Sakai yang bergelar Biduanda. Keturunan Biduanda ini lebih jinak dan lebih sempurna dengan keturunan orang-orang asli yang lain nya: mereka itu terbahagi dua iaitu ditepi laut dan didarat: mereka itu jelas di N.Sembilan ini seperti di Sg:Ujung, Biduanda laut nya, ketuanya bergelar Dato' Shahbandar: mana-kala daratnya bergelar Dato' Kelana Putera. Keturunan asli ini bila dia menjadi Islam, maka sendirinya dia menjadi Melayu. Keturunan inilah yang terdapat mendiami Luak Terachi dimasa kedatangan Dato' Perpatih dan pengikut-pengikutnya dulu dan sabahagian nya diislamkan dan dikahwini oleh lelaki Melayu pendatang dari Sumatera itu dan pengenalan keturunan asalnya tidak dihapuskan maka menjadi sianak itu bangsa Melayu bersuku Biduanda hingga sekarang ini. Krum pendatang itulah dia yang terkenal suku-suku dan lembaganya sekarang ini.

segia difahami, pendatang-pendatang yang dari Sumatera itu terdapat satu kumplan yang bukan Minangkabau: tetapi mereka tetap bersama dengan suku-suku yang lainnya dan safahaman, satu yunit dalam kumpulan Luak: iaitu Anak Aceh.

Kumplan Anak Aceh ini datangnya kasini bukan bersama dalam kumpulan Minangkabau dan Aceh, juga bukan sabahagin dari Minangkabau. Mereka yang dikatakan Anak Aceh ini, datang kanegeri ini khasnya N.S dalam sakurang-kurang dua kumpulan yang berasingan.

1. Kumpulan pertama adalah pelarian atau melarikan diri disebabkan tidak bersetuju dengan perjalanan pemerintahan di Aceh pada pada masa itu saramai empat orang wanita keturunan keluarga diraja Aceh (NYAK). Mereka berperahu, naik diMerlimau Melaka dan meneruskan perjalanan. Dalam perjalanan ini terus menetap bila dikahwini oleh penduduk tempatan dan terjadi lah disitu kumpulan keturunan Aceh yang digelar Anak Melaka sekarang: terdapat seperti di Sg:Siput (Kg:Bukit, Paya Dalam, Limau Purut): Rantau Panjang dll: satu lagi menetap di kg: Bongek Rembau kerana dikahwini oleh orang tempatan dan dua orang sampai di kg:Ayer Hitam ~~sekarang dalam Luak Terachidan~~ menetap disini, mejadi satu unit dalam Adat Perpatih di Luak Terachi. Aceh perut Ayer Hitam tidak sama dengan perut Parit dan Hulu Parit: kedua perut itu datangnya dari Luak Muar sekarang dari kumpulan pasukan penyerang yang dibawa oleh Toku Penglima Pulin Sri Muda Perkasa Mohd:Daud yang menaalukkan tanah Serenanjung ini hingga ka utara: perut yang dua itu dikenali sebagai Aceh sembilan takuk. Kumpul^{an} ini banyak meninggalkan zuriat di Tg:Ipoh.

2. Pendatang lain dianggap orang China yang bertempat di-Rahang Kechil Seremban yang berpuncha dari Shaolin Temple atau lobe dikenali, Shaolin Rebillian. Mereka orang-orang China ini tidak banyak mendiami Luak Terachi hanya dua tiga keluarga dari keturunan Hokkian: mereka itu sekarang telah dikumpulkan di Anak Ayer Sejuk sejak darurat dulu ~~se~~ sebagai kurug^{an}: sekarang kampung baru Ulu Bendul.

3. ^{Mendiling} ~~Kampung Mendiling~~ juga dianggap kaum mendatang; dipermulaan kedatangan mereka dulu, menetap dan memajukan tanah dikawasan Langkap: sekarang sudah ditempatkan di-kg:Lanjut Manis: mana-kala perkampungan yang dibukanya diLangkap masih ada dan hak miliknya. (Langkap adalah kawasan Luak Terachi dan Lanjut Manis kawasan Luak U.Muar).

Perkembangan penduduk seperti yang terdapat di Luak Terachi seperti yang terdapat sekarang ini ialah hasil perkahwinan diantara satu dengan lainnya.

(1) Pendatang Minangkabau menggariskan perkahwinan diantara satu puak dengan puak yang lain seperti Tanah Datar: Tanah Datar ialah nama kawansan atau tempat diTanah Minangkabau hendaklah berkahwin dengan lain dari Tanah Datar tujuan nya untuk menguatkan persaudaraan satempat disamping mengeratkan persaudaraan atau kekeluargaan dengan yang lain ny supaya bertambah kokoh perpaduan: mana-kala ke-

kekurangan perempuan pula, menghahwin' perempuan orang asli yang dikenali Biduanda sekarang ini dengan mengislamkan mereka itu. maka terjadilah nama tempat di Minangkabau itu, menjadi nama suku di N. Sembilan sekarang termasuk juga nama Aceh dan nama Biduanda: maka dengan keadaan demikian, jelaslah bak kata perumpaan Melayu dari buah dikenali pohonnya. Belainan dengan keturunan Bendilang: kaum ini masih mengekalkan fahaman atau lamanya tidak membenarkan perkahwinan diluar kaum (di Terachi sekarang).

Hasil dari semenda menyemenda ini berkembangnya penduduk negeri dengan menghasilkan berjenjang-jenjang sawah, dusun dan kampung.

Suatu perkara yang patut diambil kira ialah tiga telah menjadi satu melalui perqadiman: ketiga-tiga suku ini masih dianggap bersaudara hingga sekarang ini atau segedim dan tidak dibenarkan menikah diantara satu dengan lain nya.

Menurt cheritanya, ketiga-tiga suku ini memang kekurangan orang untuk membuka negeri, iaitu Suku Batu Bolang, Aceh dan Tanah Datar: pada mulanya mereka memakai satu ketua saja: apa-bila tiga telah menjadi satu keluarga pun sudah menjadi ramai berusaha lah mereka meneruka memajukan tanah hingga mereka dapat menyaingi orang lain dari mereka sahinggalah masing, telah berkembang biak dan boleh mengendalikan sendiri sesuatu hal melainkan sekali bila perlu: maka bermuafakatliah mereka untuk membuat ketua masing-masing. Persetujuan telah diambil, segala usaha bersama dibahagi tiga sama-rata: maka berlakulah pembahagian harata dan berketuakan ketua masing-masing: tetapi masih bersatu ketiganya. Distas peristiwa tersebut lah, apa yang tersebut sekarang ini dalam adat, "Orang diambil diberi harta: orang diberi dapat saja." Tetapi apa yang belaku sekarang ini, salah priktikal dengan mengambil sa sa orang yang orang itu tidak berhak menerima atau diberi harata.

li
Salasilah:-

Biduanda:

Biduanda ialah suku menanti atau telah tersedia di NS ini di Luak Terachi khasnya. Suku menanti yang asal yang bekerja -sama dengan Dato' Perpatih dan orang-orangnya membuka perkampungan di Luak Terachi ialah Biduanda perut kampung masjid bertempat dikampung Paoh sekarang: disinilah mulanya terjalin perhubungan perkahwinan diantara orang Sri Lemak Minangkabau dengan orang tempatan: apabila keadaan telah berjalan baik datang pula satu kumpula suku Biduanda lagi khabarnya dari Rembau menetap di Kg: Darit dan berkembang. Dalam satu keluarga Biduanda Kg: Masjid ada mengambil seorang anak angkat suku Biduanda juga dari Sungai Ujung (anak prm): anak ini sentiasa dibawa kasana kemari oleh emaknya (dalam bahasa lama atau bahasa basahan bawa itu dipanggil "Kundang"). (Budak itu sentiasa dikundang kasana kemari oleh emaknya): bila budak itu sudah dewasa pun budak itu masih digelar anak Kundangan: bertempat

di suatu kawasan yang dipanggil Peri^h Merebau sekarang, bersempadankan kg:Padang Lebar; perkembangannya di kg:Solok Mura (kg:Kundangan sekarang ini). Perut (Biduanda Perut) ini dikenal Biduanda perut kg:Kundangan dan juga Biduanda Semujung: maka di Biduanda kg:Kundangan inilah telapakkan Undang Sg:Ujung hingga sekarang. Bila Undang Sg:Ujung yang baru hendak menghadap Yang Di Pertuan di Sri Menanti, dimastikan singgah bermalam dahulu disini.

Dalam pusingan geleran perut penyandang Lembaga Suku Dato' Raja Dimuda: pada masa dahulu tidak termasuk dalam perut gegeran: hanya berlaku pada tahun 1947, penyandang yang pertamanya bernama Haji Manaf bin Haji Udin. Penyandang ini tidak kekal bila dia meletak jawatan pada tahun 1948 kerana didatangi penyakit sebagai gila. Tempatnya digantikan oleh perut Biduanda kg:Masjid yang dipegang oleh Doli bin Tahir sekarang, sejak 30/4/1948.

Geleran perut KUNDANGAN ini diragukan dan boleh juga di pakai: terpulanglah kepada suku Biduandan itu sendiri: geleran khas dalam perut Biduanda ini bergelar NIKI.

Biduanda perut Rembau itu pula, jika di Luak Muar dikenali dengan panggilan Biduanda Jawa: Lembaganya bergelar Dato' Dagang.

Sri Lemak (Minangkabau dan Pahang).

Di Luak Muar dikenali Sri Lemak Minangkabau dan Sri Lemak Minangkabau dikira berlainan perut: tetapi di Luak Terachi dikenal Sri Lemak sahaja dan Sri Lemak Waris.

Sri Lemak ini hanya atau berhak menjadi Lembaga dan bergelar Dato' Raja Sekera: mana-kala Buapak nya bergelar Raja Pahlawan. Sri Lemak Waris hanya boleh mempesakai Penghulu dan tambahan kemudian nya chiptaan British, Dato' Andatar (bahal Penghulu), Dato' Arat Penghulu dan Dato' Siamar Raja hanya kepala atau besar waris dalam Sri Lemak Waris sahaja: tidak ada Buapak. Dirasa yang lampau Buapak yang bergelar Raja Pahlawan sahaja lah yang menjadi Buapak kepada keseluruhan Sri Lemak di Luak Terachi dan sekarang pun.


Kendaan telah bertukar dengan tidak disangka-sangka sechare tiba-tiba sahaja, bila Penyandang pertama Penghulu Luak Terachi terdiri dari selemak yang datang dari Pahang. Sri Lemak di Luak Terachi itu adalah keturunan yang sama iaitu dari satu ibu tiga beradik dari Tanah Minangkabau. Tiga beradik atau tiga kelamin ini sama-sama datang dari Minangkabau: sama-sama meneruka ditapak sekolah Terachi yang ada sekarang: kemudian nya sekolah berpindah pula di kg:Tengah sekarang dan sakelamin lagi pergi ke Kuala Tembeling, Jorantut Pahang. Sabelum dua kelamin itu meninggal Terachisonpat juga membuka kampung sabuah lagi di Anak Ayer Sejuk dinamakan kg:Padang Lebar hingga sekarang. Suatu masa yang tidak diketahui lamanya: saudara atau keturunannya yang pergi ke Pahang itu dipanggil balok ke Terachi kerana keturunan yang

berada di Terachi tidak berkembang, sedangkan kawasan yang perlu dimajukan atau dijaga luas atau padangnya lebar. Kedatangan orang yang dijemput besekali dengan kedatangan beramai-ramai ka kg: Tengah dalam masa permulaan Raja Melewarmenjadi Yam Tuan di Sri Menanti dalam tahun 1973. Mereka itu mendiami dikawasan Terachi dan Padang Lebar. (Dalam bahasa lama atau bahasa adat adat padang itu ialah kawasan). Kedua-dua selemak yang ada di Terachi sekarang adalah ³²nenek: diketuai oleh seorang ketua saja pada masa dulu bersekali dengan Muar (Ulu Muar).

Kedudukan Sri Lemak di Luak Terachi sekarang adalah satu: tetapi berbilang jawatan: manakala Buapaknya satu: maka jelaslah enam suku yang berlembaga di Terachi sekarang yang mana dalam suku Sri Lemak ketuanya ialah:

1. Buapak nya Raja Pahlawan dipegang oleh perut yang tidak meninggalkan Terachi: perantaraan nya seluruh Sri Lemak.
2. Besar waris: pegangannya terbahagi dua: dibahagin Kulu bergelar Dato' Siamar Penghulu dan dibahagian Hilirnya bergelar Dato' Siamar Raja: kedua-dua nya disandang oleh Sri Lemak yang telah pergi ka Pahang: dia tidak berhak mengambil urusan dalam Sri Lemak yang tidak pergi ka Pahang.
3. Dato' Andatar: dipegang oleh SL dari Pahang dengan tiada tugas melainkan bakal Penghulu sahaja.
4. Penghulu pun Sri Lemak dari Pahang.
5. Lembaganya suku ini ialah Dato' Raja Sekara mengikut zaman lampau, Lembaga bagi Suku Sri Lemak yang ada dalam Luak Terachi yang tidak membahagikan Sri Lemak Pahang atau Sri Lemak Minangkaban. Pada masa ini urusan Adat dibuat oleh Dato' Raja Sekara sahaja: tetapi urusan ~~Adat~~ pejabat dibuat oleh dua orang Besar Waris (ini patut diperbetulkan).

Disedikan oleh Dato' Amar Pahl:


.....

BU MOHD SIDIK AL MANAP
DATOK AMAR PAHL
TERACHI N.

Penghëbrumian Lembaga atau Penghulu.

Penghëbrumian sa-sa-orang
P'lu atau Lembaga sama saja sebagai
mana sechara Islam yang berlainan
is-loh tambahan istiadat-nya:-

- (1) Di-hujung kepala tempat di-
bujurkan mayat di-lëtakan, apa yang
di-panggil bantal godang yang di-pë-
buat di-pëlah kumbia atau buluh,
di-tutup dengan kain.
- (2) Tabir langit, di-pasangkan,
- (3) Di-bawah (di-tanah) di-pasang se-
gala alat, kebësaran yang di-gunakan
dalam masa bëkëran dulu.
- (4) Payung-nya di-boleh di-këmbangkan;
këdwa-nya.
- (5) Sabëra banyak Lembaga atau
Penghulu hadzic.
- (6) Buapak di-mana Lembaga ite
mëninggal bëchëp chora pëcatiran
adat këpada Lembaga, yang hadzic
mënyatakan këtëd këmëtiar ite.
- (7) Klëmbë sëdekak adat yang bëba-
lut dëngan daun dëdap 25¢ tap di-
bungkus.
- (8) Bahagian masing-masing - mëngikut adat
dulu.
 - (1) Penghulu 14 bungkus.
 - (2) Lembaga 7 "
 - (3) Buapak, imam, bidan, paurang,
mudin - $3\frac{1}{2}$ (4 bungkus).
 - (4) Orang ramai sabungkus.
- (9) Tanduannya balang pinang
bëkupas, bëtingkat 3.

(2)

(10) Jika Ptu yang meninggal itu wakil raja hendaklah hadzr sama.

(11) Dalam perjalanan ke-kubur mayat itu hendaklah di-pikul berau² dan di-payungkan oleh bakal pengant²: (Silas ad).

Rengkasaw.

S A L I N A N

MEGERI SEMBILAN GOVERNMENT GAZETTE BERTARIKH

19HB OGOS, 1898.

No.212

PEMIMPIN BAGI PENGHULU-PENGHULU ATAU LEMBAGA.

Bahawasanya hendaklah Penghulu atau Lembaga itu menyimpan suatu Buku dan hendaklah ditulisnya ke dalam Buku itu tiap-tiap hari iaitu apa-apa pekerjaan Government yang telah diperbuatnya.

1. Dan apakala sampai satu bulan mahulah disalin apa-apa yang telah tertulis di dalam Buku itu, maka salinan itu mahulah dihantar tiap-tiap bulan kepada Tuan Collector of Land Revenue atau Tuan District Officer.

2. Penghulu-Penghulu atau Lembaga itu mahulah selalu melawat di dalam perintahannya serta bermuafakat dengan Ketua-Ketuan.

3. Maka mahulah diperiksa hal Kampong-Kampong dan Sungai-Sungai, Parit, Ampang, Jambatan dan Jalan Lorong. Maka apa-apa halnya hendaklah hantar report dan jika ada apa-apa seperti kayu dan lainnya menggalang di Taliair hendaklah disuruh buang, demikian juga segala mengkuang dan lain-lain pokok yang memberi semak di tepi tebing sungai hendaklah dibuang beri bersih tebing itu dan lagi boleh disuruh sekalian Anak Buah buang pasir mencetelkan air sungai itu. Serta hendaklah Penghulu atau Lembaga itu menjalankan pekerjaan apa-apa yang diatur oleh Kerajaan atau Land Officer.

4. Jikalau berjumpa dengan siapa-siapa mencuri Tanah Government (memakai Tanah Government yang lebih daripada yang telah ia mendapat kebenaran) atau memotong kayu padahal Pasnya telah mati, maka mahulah dihantar report dengan segeranya serta ditegah akan mereka itu. Dan hendaklah dikerasi atas mereka itu mengikut Undang-Undang Tanah atau Kayu.

5. Pada mana-mana masa Pemungut Cukai hendak datang mengutip cukai ke Mukim itu, hendaklah dikhabarkan kepada sekalian mereka-mereka didalam Masjid atau rumahnya dan seboleh-bolehnya diikhtiarkan kepada mereka itu suruh datang berhimpun membayar cukainya masing-masing dengan selesainya pada mana-mana hari yang ditentukan.

6. Bila Tuan Collector Land Revenue atau Tuan District Officer datang berbicara atau mengutip cukai atau melihat tanah dan sebagainya didalam Mukim itu hendaklah Penghulu atau Lembaga pergi bersama-sama menolong tuan itu.

7. Dan kalau siapa-siapa Tuan Pegawai Government atau lain-lain Tuan yang ada Surat Kuasa daripada Tuan Collector Land Revenue atau kuasa daripada Tuan District Officer datang ke Mukim itu membuat sebarang pekerjaan Government, maka seharusnya ditolong akan tuan itu pada menjalankan pekerjaan itu.

8. Sebagailagi hendaklah dijagai Batu Sempadan Mukim serta dibersihkan kelilingnya kira-kira 6 kaki.

9. Demikian pula Batu-Batu Sempadan yang disuruh simpan sebelum didirikan itu hendaklah dijaga dengan sepertinya, kalau hilang tentulah bererti harganya atas Penghulu atau Lembaga yang menyimpannya. Dan tanda-tanda yang jadi sempadan tanah kawasan orang-orang hendaklah disuruh bersihkan kelilingnya serta betulkan.

10. Barang siapa hendak bertukar nama atau meminta kuasa di atas tanah-tanah suruhkan mereka ke Land Office atau District Office serta hendaklah Penghulu atau Lembaga itu mengambil tahu apa-apa hal itu.

11. Sebagaimana hendaklah disuruh mengambil Lesen atau nombor kepada mereka-mereka yang berperahu dan berbelat menangkap ikan atau kereta dan sebagainya pada tiap-tiap tahun sebagaimana yang tersebut didalam Undang-Undang darihal itu.

12. Dan lagi jika ada siapa-siapa mereka yang melalui Undang-Undang Negeri iaitu yang pada fikiran tiada sempat atau tiada berguna di Saman, maka hendaklah ditangkap dengan segeranya istimewa pula jika Orang Polis mari hendak menangkap atau memeriksa atau mencari Orang Salah mahulah ditolongi akan pekerjaan Polis itu, maka jikalau diringankan nyatalah Penghulu atau Lembaga itu mendapat kesalahan yang besar.

13. Segianya hendaklah Penghulu atau Lembaga itu bermuafakat dengan Ketua-Ketuan iaitu pada mengadakan pekerjaan yang berfaedah seperti membuat atau membaiki dan membersihkan Tali air serta jalan-jalan dan sebagainya.

14. Maka mahulah diusahakan dengan seboleh-bolehnya kepada sekalian mereka-mereka darihal menanam Padi, suruhkan sekaliannya menanam itu sekaligus serta dikuatkan kepada mereka Undang-Undang Sawah.

15. Syahdan lagi jika datang Penyakit Hawar Kerbau atau Lembu dan sebagainya hendaklah diikhtikarkan seboleh-bolehnya darihal memelihara-kan Penyakit itu daripada berjangkitan.

Dan seharusnya dikuatkan kepada tuan-tuan yang menaruh Binatang itu suruh ia menjaga baik-baik jangan dibiarkan Binatang itu merosakkan Jalan Government (Jalan Besar dan Jalan Kecil Yang 6 Kali) atau Jalan Keretapi serta suruh jaga hidupnya itu jangan ia lepas malarat-larat dan kuatkan dia mengikut Undang-Undang fasal menjaga Kebau dan Lembu dan jua boleh diingatkan kepada tuan Binatang itu kalau Binatangnya merosakkan apa-apa nescaya dia kena bayar kerosakan Orang itu.

16. Bermula hendaklah disuruhkan mereka-mereka mendatangkan report kalau ada mereka-mereka itu beranak atau kematian ataupun kalau ada datang Penyakit Hawar Manusia atau Binatang.

17. Dan pula hendaklah dinasihat serta tolong seboleh-bolehnya darihal meramaikan Kanak-Kanak datang belajar di Sekolah.

18. Pada waktu Doktor hendak membubuh berih cacar, hendaklah di-kuatkan suruh mereka-mereka berhimpun membawa anaknya pada mata-mata hari yang akan ditentukan.

19. Sebermula hendaklah sentiasa disucikan parit-parit atau long-kang-longkang di dalam Kampong-Kampong, istimewa pula kalau datang penya-kit-penyakit yang memang berjangkitan hendaklah bersungguh-sungguh hati dijagai serta suruh mereka itubersihkan.

20. Hendaklah disuruhkan sekalian mereka-mereka memalcai air minuman-nya dengan air yang suci serta suruh pilihkan Telaga Minum dengan Telaga Mandi dan Telaga Minum itu mahulah disuruh perbuat pada tanah yang tinggi serta korek beri dalam supaya tiada berhanyutan atau mersap air najis ke dalam Air Telaga.

21. Dan segianya bagi Penghulu atau Lembaga itu bermuafakat ajak Orang-Orang membuka Sawah di mana-mana tempat di dalam Mukimnya, demikian pula suruh mereka-mereka pelihara dan bersihkan Kampong Halaman masing-masing dengan sempurnanya dan kuatkan atas mereka itu mengikut Undang-Undang memelihara-kan Pohon Kelapa daripada dibinasakan oleh Kumbang.

22. Jika siapa-siapa mereka berbuat kesalahan di antara satu dengan lainnya, tiadalah boleh dibenarkan mereka itu berbuat selesai di luar sahaja melainkan hendaklah Penghulu atau Lembaga membawa bicara itu ke dalam Mahkamah dan jika Penghulu atau Lembaga itu bersedesai di luar nyatalah ia mendapat kesalahan melainkan hendaklah Penghulu atau Lembaga itu menjalankan Pekerjaan Polis.

23. Penghulu-Penghulu atau Lembaga yang mendapat kuasa daripada Tuan Collector Land Revenue atau Tuan District Officer pada menyelesaikan Bidara-Bicara fasal perkara dan Bicara fasal wang hendaklah mengikut Aturannya:-

I. "Fasal Perkara" yang boleh dibicarakan oleh Penghulu atau Lembaga sekiranya Denda tiada lebih daripada \$10/=.

II. "Fasal Wang" boleh diselesaikan Bicara Wang kira-kira banyaknya tiada lebih daripada \$25/=-, tetapi itupun di antara Orang Asia sahaja (iaitu lain daripada Orang Eropah).

24. Jikalau siapa-siapa engkar daripada Hukuman Penghulu atau Lembaga yang dijalankannya di dalam Mahkamah boleh dihantar report dengan segera kepada Tuan Magistrate yang dekat dengan dia dan berkuasalah Magistrate itu akan mengerasi Hukumannya itu seperti yang tersebut di bawah ini:-

I. Jika engkar ia di atas hal Fasal Perkara bolehlah ia mendenda atau dipenjarakan tiada lebih daripada 14 hari.

II. Jika engkar ia di atas hal Fasal Wang boleh Magistrate jalankan apa-apa Hukuman yang telah memang dijalankannya.

25. Sekalian Kutipan serta Denda dan lainnya hendaklah diserahkan ke dalam Perbendaharaan Negeri pada tiap-tiap 5 haribulan tetapi di dalam Jajahan Seremban segala wang yang diterima fasal Court itu hendaklah diserahkan kepada Tuan Magistrate. Dan segala wang yang diterima daripada Tanah atau Hutan dan sebagainya hendaklah diserahkan kepada Tuan Collector Land Revenue.

26. Penghulu-Penghulu atau Lembaga-Lembaga yang dikuasakan oleh Tuan Collector Land Revenue atau District Officer fasal mengeluarkan Pas adalah ikut seperti yang tersebut di bawah ini:-

I. Boleh mengeluarkan Pas kepada Orang-Orang Melayu sahaja fasal merayau Bijih.

II. Boleh mengeluarkan Pas fasal Hutan kepada sekalian mereka.

III. Boleh mengeluarkan Pas memotong kayu kepada sekalian mereka. Maka Penghulu atau Lembaga hendaklah diserahkan Wang Pas itu ke Land Office pada tiap-tiap 5 haribulan adanya. TAMAT.

oooooooooooo))))))((((((oooooooooooooooo